

WARTA SAWIT

Jangan lepaskan
peluang
memenangi RM 100...
Sertai Kuiz Sawit
SEKARANG!!!

Boleh didapati on-line di <http://palmoilis.mpob.gov.my/index.php/warta-sawit>

Naskah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Bil. 65 (1)/Jan-Apr 2017



*"Dengan bantuan yang diberikan oleh
MPOB, kehidupan pekebun kecil
telah bertambah sejahtera dan makmur."*

**Penerangan gambar di muka surat 3.*



Lembaga Minyak Sawit Malaysia • Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur. Tel: 03-8769 4400, Teleks: MA31609 Faks: 03-8925 9446
www.mpob.gov.my

Sidang Penerbit

PENASIHAT

Dr Ahmad Kushairi Din

PENGERUSI

Hj Mohamad Nor Abdul Rahman

TIMBALAN PENERUSI

Dr Ramle Moslim

KETUA PENYUNTING

Hj Khairuman Hashim

PENYUNTING

Dr Norman Kamarudin

Dr Ahmad Tarmizi Hashim

Hj Zulkifli Abd Manaf

Raja Zulkifli Raja Omar

Noor Asmawati Abd Samad

M Ayatollah K Ab Rahman

Abdullah Hashim

Ruba'ah Masri

SETIAUSAHA

Nur Hanani Mansor

KANDUNGAN

● Dari Meja Ketua Penyunting	2
● 100 Tahun Industri Sawit Malaysia	4
● Sudut Teknologi - Integrasi Lada Hitam dengan Sawit di Malaysia (Siri 2/2)	6
● Kuiz Sawit	10
● Borang Penilaian	12
● Sudut Kreatif Sawit	13
● Sedutan Akhbar	15
● Tahukah Anda?	17
● Diari & Peristiwa	18
● Berita Bergambar	22
● Sembang Sawit	24
● Istilah untuk Sawit	25
● Sudut Ekonomi	26
● Usahawan Sawit Jaya	28
● Direktori MPOB	30
● Senarai Tapak Semaian yang Mempunyai Sijil Kod Amalan Baik Tapak Semaian Sawit (CoPN)	34

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Penanaman sawit dengan benih berkualiti, amalan agronomi baik dan penjagaan pokok yang sempurna merupakan faktor utama pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS) yang tinggi sekali gus memberi pendapatan lumayan kepada pekebun kecil. Minyak sawit yang kini diiktiraf sebagai salah satu sumber minyak sayuran paling produktif bukan sahaja berjaya menembusi pasaran dunia, malah memenuhi sebahagian daripada keperluan bekalan makanan global. Penanaman pertama *Elaeis guineensis* Jacq telah berjaya dikomersialkan di Ladang Tennamaram di Selangor sejak tahun 1917. Bagi tempoh 100 tahun, industri sawit khususnya penanaman sawit tidak melalui pertumbuhan yang pesat dan sehingga tahun 2016, kawasan tanaman sawit negara adalah seluas 5.74 juta hektar. Kemajuan sektor sawit sebenarnya telah memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi negara dan peningkatan taraf sosioekonomi kepada penduduk luar bandar khususnya pekebun kecil.

Penglibatan pekebun kecil dalam pengeluaran minyak sawit negara adalah sangat penting kerana hampir 40% daripada keluasan penanaman sawit negara diusahakan oleh pekebun kecil. Berdasarkan kepada prestasi industri sawit negara pada 2016, pengeluaran minyak sawit mentah mengalami kemerosotan kepada 17.32 juta tan berbanding 19.96 juta tan tahun sebelumnya. Namun begitu, harga minyak sawit mencatat peningkatan melebihi paras RM 3000 per tan, walaupun masih belum pulih daripada kesan kelembapan pasaran dunia. Pengukuhan harga minyak sawit adalah hasil penglibatan semua pihak dalam industri dan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan bagi menstabilkan harga minyak sawit serta usaha memperluaskan pasaran minyak sawit ke luar negara. Insentif dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada pekebun kecil bagi menanam semula pokok sawit tua dan integrasi tanaman dan ternakan perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Kerajaan juga telah menubuhkan dana mekanisasi sawit untuk mempertingkatkan tahap mekanisasi

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

sawit ke arah kecekapan operasi dan produktiviti. Pada masa ini, industri sawit menggaji lebih 400 000 pekerja dengan 77% atau 330 000 pekerja adalah tenaga kerja asing. Industri sawit, terutama di sektor hulu adalah berorientasikan buruh khususnya bagi aktiviti penuaian dan pembajaan. Melalui pelaksanaan National Key Economic Area (NKEA) sawit, kerajaan telah menyediakan banyak insentif kepada golongan sasar dan kerajaan sentiasa memberikan komitmen berterusan dalam usaha untuk memacu pertumbuhan industri sawit ke satu tahap yang lebih tinggi. Usaha ini dijangka dapat menyumbang ke arah peningkatan pendapatan pengusaha tanaman sawit sektor pekebun kecil. Bagi mengekalkan kecemerlangan industri ini, beberapa piawaian telah diwujudkan dalam aktiviti penanaman sawit. Ini termasuklah Amalan Pertanian

Baik (GAP), Kod Amalan MPOB (CoP), dan yang terbaharu adalah pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Segala aktiviti ini terikat dengan piawaian berkaitan kesejahteraan dan kemampanan. Faktor-faktor ini menjadikan industri sawit terus berkembang dan membangun seiring dengan kehendak global dan permintaan masyarakat antarabangsa. Inovasi dan teknologi baru yang ditemukan membantu penanaman dan pengeluaran minyak sawit di Malaysia menepati kehendak kemampanan global di samping dapat menghasilkan produk berkualiti tinggi, selamat dimakan dan baik untuk kesihatan.



Sumbangan: Hj Khairuman Hashim
(khairuma@mpob.gov.my)

Sudut Renungan



“*Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan, ia menyukai kedermawanan maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu*”.

(Hadis Riwayat At –Tirmizi: 2723)

*Penerangan gambar kulit hadapan: Pemandangan dari udara kediaman pekebun kecil persendirian di Kapar, Selangor. Beliau merupakan penerima Bantuan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) pada 2011.



100 TAHUN INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

**BIAK BAKA
TANAMAN
LANDASAN
KEPADA
KEMAJUAN SAWIT
NEGARA**

Pekebun kecil menggunakan basikal sebagai pengangkutan membawa hasil sawit pada awal penglibatan dalam perusahaan tanaman sawit.

Industri sawit negara melakar sejarah dengan sambutan 100 tahun penanaman sawit secara komersial yang akan diadakan pada 18 Mei 2017 di Ladang Tennamaram, Sime Darby Plantations, Bestari Jaya, Selangor.

Pada 1917, pengusaha ladang bangsa Perancis, Henri Fauconnier mengusahakan penanaman sawit secara komersial di Ladang Tennamaram yang dahulunya dikenali Batang Berjuntai, Kuala Selangor. Sejak penanaman pertama secara komersial, perladangan sawit telah berkembang khususnya pada dekad selepas 60-an yang melonjakkan Malaysia sebagai negara pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit dunia.

Pokok sawit atau nama saintifik *Elaeis guineensis* berasal dari benua Afrika secara khususnya dari Guinea. *Elaeis* daripada perkataan greek iaitu *elaion* bermaksud minyak. Pokok sawit hidup subur di negara asal dan ditanam secara meluas di kawasan garisan khatulistiwa yang menerima sinaran matahari dan curahan hujan sepanjang tahun. Kawasan ini meliputi negara-negara Afrika, Amerika Selatan, Afrika dan Selatan Pasifik dan Asia Tenggara.

Penglibatan syarikat perladangan yang mengusahakan penanaman sawit secara komersial telah menyumbang kepada

peningkatan kawasan tanaman sawit. Pada 1925, keluasan tanaman sawit ialah 384 ha dan meningkat kepada 31 000 ha pada 1940-an.

Menjelang awal tahun 1960-an, keluasan tanaman sawit negara mencecah 55 000 ha. Penubuhan FELDA pada 1956 dan agensi pembangunan tanah pertanian oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri telah membawa kepada penglibatan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit dan menyumbang kepada peningkatan kawasan sawit negara.

Penggubalan dasar pembangunan tanah pertanian bagi penanaman sawit dan strategi mempelbagaikan tanaman untuk tidak bergantung kepada tanaman getah seterusnya menyumbang peningkatan kawasan tanaman sawit negara. Kawasan tanaman sawit meningkat dengan ketara pada 1970-an dan selepasnya. Penglibatan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit sama ada di bawah kelolaan agensi pembangunan tanah kerajaan atau mengusahakan secara persendirian meliputi 40% keluasan kawasan tanaman sawit negara yang menjangkau 5.74 juta hektar pada 2016. Penglibatan pekebun kecil mengusahakan

Bersambung ke muka surat 5

Sambungan dari muka surat 4




Penggunaan teknologi terkini (Grabber) selaras dengan perkembangan industri sawit negara.

penanaman sawit telah menjana pendapatan dan kemajuan sosioekonomi penduduk luar bandar. Sejarah tanaman sawit di Malaysia dan Indonesia bermula dengan empat biji benih sawit, dua dibawa daripada Amsterdam Botanical Garden dan dua biji benih dari Reunion Island yang kemudiannya ditanam di Bogor Botanical Garden, Indonesia pada 1848. Benih sawit yang berasal dari induk yang sama seterusnya dibawa ke Singapura yang ditanam di Botanical Garden pada 1870-an dan seterusnya ke Tanah Melayu pada 1875 yang ditanam sebagai tanaman hiasan.

Baka sawit dari Sumatera yang dikenali Deli *dura* dibawa ke Tanah Melayu oleh pengusaha ladang bangsa Eropah sekitar tahun 1911 dan 1912 yang ditanam di Rantau Panjang, Kuala Selangor. Baka dari pokok sawit berkenaan telah ditanam secara komersial pada 1917 di ladang Tennamaram, Kuala Selangor.

Pokok sawit yang ditanam di Malaysia berasal dari baka Deli *dura* yang dibawa dari Sumatera telah melalui proses biak baka dari pokok induk



Pertumbuhan baka sawit tenera yang ditanam secara meluas di Malaysia.

dengan baka sawit yang dibawa dari Afrika. Sebahagian besar tanaman sawit di Malaysia menggunakan baka *tenera* iaitu kacukan pokok *dura* dan *pisifera* atau dikenali DxP.

Pengumpulan benih sawit yang diusahakan oleh Jabatan Pertanian dan penglibatan syarikat perladangan menghasilkan bahan tanaman sawit yang ditanam di kawasan baru diteroka. Jabatan Pertanian Malaya di Serdang, Selangor adalah antara yang terlibat di peringkat awal penanaman sawit dan menjalankan pengeluaran bahan tanaman sawit baka Deli *dura* pada 1920-an.

Bermula awal tahun 1930-an, syarikat-syarikat perladangan seperti Sime Darby, Guthrie, Socfin, United Plantations Berhad, Harrison dan Crosfield telah menjalankan kajian biak baka bagi menghasilkan benih sawit bermutu. Ini disusuli oleh syarikat perladangan yang ditubuhkan pada



Penghasilan bahan tanaman sawit melalui proses kultur tisu.

tahun 1950 dan 1960-an yang mengeluarkan anak benih sawit untuk keperluan penanaman di ladang masing-masing.

Penglibatan Jabatan Pertanian dan seterusnya MARDI yang ditubuhkan pada 1973 telah menjalankan kajian biak baka tanaman sawit. Penubuhan PORIM pada 1979 yang dipertanggungjawab bagi meningkatkan penyelidikan sawit telah menghasilkan bahan tanaman sawit termasuk daripada proses kultur tisu dan baka klon yang berhasil tinggi.

Penyelidikan biak baka yang dilaksanakan oleh PORIM meliputi pengumpulan baka sawit melalui ekspedisi ke negara Afrika dan Amerika Selatan telah berjaya mengumpulkan baka sawit terbaik yang ditempatkan di Bank Gene Stesen Penyelidikan MPOB Kluang. Kajian biak baka

Bersambung ke muka surat 24

SUDUT TEKNOLOGI

INTEGRASI LADA HITAM DENGAN SAWIT DI MALAYSIA (SIRI 2/2)

Pengenalan

Lada hitam atau *Piper nigrum* L., daripada famili *Piperaceae* ialah tumbuhan jenis memanjat yang boleh hidup subur di kawasan beriklim tropika yang panas dan lembap. Hasil tanaman lada hitam dalam bentuk buah atau beri digunakan secara meluas di seluruh dunia dalam penyediaan dan pemprosesan makanan, bidang perubatan dan penghasilan produk kecantikan. Menyedari potensi dan permintaan dunia yang semakin meningkat terhadap komoditi ini, MPOB telah menjalankan penyelidikan integrasi lada hitam dengan sawit dengan menggunakan sistem penanaman sawit dua baris berkembar yang bertujuan untuk menambah pendapatan pekebun kecil sawit serta mengoptimumkan penggunaan tanah. Hasil kajian mendapati tanaman lada hitam sesuai ditanam secara integrasi dengan sawit (*Rajah 1*). Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menerangkan perkara yang penting dalam penanaman lada hitam secara integrasi dengan sawit untuk pengeluaran hasil yang tinggi.



Rajah 1. Integrasi lada hitam dengan sawit dalam sistem sawit dua baris kembar.

Penyediaan Kawasan

Kawasan tanaman sawit yang sesuai untuk integrasi lada hitam ialah tanah yang subur, rata atau landai serta mempunyai sistem saliran air yang baik. Kawasan rendah yang mempunyai masalah air bertakung dan berkelembapan

tinggi haruslah dielakkan kerana serangan penyakit akar kerap berlaku di kawasan ini. Lorong integrasi hendaklah bebas daripada segala rumpai. Sisa-sisa pembersihan kawasan seperti akar dan tunggul kayu perlu dicabut, dikumpul dan dibakar sebagai langkah awal mencegah jangkitan penyakit akar. Kemudian, tanah perlu dibajak sebanyak tiga pusingan iaitu dua pusingan menggunakan bajak piring dan satu pusingan menggunakan bajak putar.

Tiang Sokongan

Tiang sokongan untuk lada hitam haruslah daripada kayu yang keras untuk mengelak pokok tumbang akibat ditiup angin kencang. Tiang kayu daripada jenis kayu berlian banyak digunakan oleh pekebun di Sarawak dan Sabah kerana ketahanannya daripada serangan anai-anai dan sukar mereput akibat perubahan cuaca. Kayu keras yang lain juga boleh digunakan seperti cengal, balau, merbau dan sebagainya. Tiang sokongan kayu sepanjang 3.65 m perlu ditanam di dalam tanah pada kedalaman 0.3-0.6 m. Setelah kerja mendirikan tiang sokongan siap, pengapuran menggunakan *Ground Magnesium Limestone* (GML) sebanyak 1 kg dan 5 kg baja organik najis ternakan hendaklah ditabur dan digaul pada tanah di sekeliling tiang dan dibiarkan selama sebulan sebelum penanaman lada hitam. Selain daripada penggunaan tiang mati untuk sokongan, kajian menggunakan tiang sokongan pokok hidup seperti pokok *Dracaena* sp dan *Erythrina indica* (dedap) juga telah dijalankan (*Rajah 2*). Tiang sokongan pokok hidup ini perlu ditanam 2-3 bulan lebih awal sebelum penanaman lada hitam dilakukan. Penyelenggaraan secara berkala perlu dilakukan untuk mengawal pertumbuhannya.



Rajah 2. Integrasi lada hitam dengan sawit menggunakan tiang sokongan pokok hidup.

Bersambung ke muka surat 7

Sambungan dari muka surat 6

Penanaman

Lada hitam ditanam menggunakan keratan batang yang diperoleh daripada pokok matang dan bebas daripada sebarang penyakit. Bahan tanaman yang digunakan ialah daripada varieti lada hitam yang bermutu tinggi seperti *Kuching*, *Semongok Aman* dan *Semongok Emas*. Keratan hendaklah mempunyai 3-5 ruas dan disemai di dalam polibeg selama 3-4 bulan di tapak semeaian sebelum boleh dipindahkan ke ladang. Pemilihan anak benih dilakukan bagi memastikan anak benih yang mempunyai pertumbuhan yang baik dan bebas daripada penyakit sahaja ditanam ke ladang. Anak benih lada hitam ditanam pada jarak 2.4 m x 2.4 m (segi empat sama) dalam tiga barisan pada lorong integrasi iaitu pada setiap tiang sokongan. Jumlah kepadatan tanaman lada hitam adalah sebanyak 360 pk/ha. Semasa penanaman, lubang perlu digali dan diletakkan baja CIRP mengikut arah tiang dengan jarak 10-15 cm daripada tiang sokongan.

Lindungan

Anak benih lada yang baru dipindahkan ke ladang memerlukan teduhan yang sesuai untuk mengelakkannya terdedah daripada terus cahaya matahari yang terik. Pelepa sawit yang dipotong kepada 0.6-0.9 m boleh digunakan sebagai bahan untuk membuat teduhan. Selain itu, daun paku pakis juga boleh digunakan. Bahan teduhan ini boleh dikeluarkan secara beransur-ansur selepas 4-8 minggu kemudian.

Kawalan Rumpai

Program kawalan rumpai secara berjadual hendaklah dilaksanakan sama ada dengan kaedah manual atau dengan semburan racun rumpai yang sesuai. Merumpai secara manual sangat digalakkan khususnya ketika pokok di peringkat pra-matang. Merumpai di sekitar bulatan pokok lada hitam hendaklah dilakukan secara berhati-hati untuk mengelakkan kecederaan akar pada pokok lada. Rumpai yang terdapat di kawasan antara barisan pokok lada hitam pula sebaiknya dikawal dengan menggunakan mesin pemotong rumput.

Pembajaan

Program pembajaan yang berjadual adalah sangat penting bagi memastikan pertumbuhan pokok dan pengeluaran hasil yang tinggi (Jadual 1). Baja hendaklah ditabur secara rata atau pada alur yang dibuat di sekeliling pokok dan kemudiannya ditutup semula dengan

menggunakan tanah. Kerja pembajaan ini boleh dilakukan ketika melaksanakan kerja mengembur dan mengangkat busut pokok lada hitam.

Pemangkasan

Pemangkasan hendaklah dilakukan sebanyak tiga peringkat iaitu ketika pokok berumur 6 bulan, 12 bulan dan 18 bulan setelah pokok dipindahkan ke ladang. Pemangkasan perlu dilakukan dengan teliti untuk membentuk kanopi pokok yang baik dan seimbang. Setelah itu, hanya pemangkasan penyelenggaraan sahaja dilakukan untuk membuang sulur yang tidak diperlukan. Ketinggian pokok juga perlu dikawal dengan memangkas bahagian yang tidak diperlukan.

Kawalan Serangga Perosak dan Penyakit

Serangan serangga perosak boleh dikawal dengan menggunakan racun serangga yang sesuai seperti racun *Chlorpyrifos* untuk mengawal pengorek batang dan racun *Dimethoate* untuk penghisap daun dan koya. Serangan serangga perosak yang tidak dikawal boleh menjejaskan pertumbuhan pokok dan juga pengeluaran hasil. Penyakit reput pangkal akar yang disebabkan oleh kulat *Phytophthora capsici* merupakan penyakit akar yang serius dan boleh menyebabkan pokok mati dalam tempoh yang singkat. Serangan penyakit ini sering berlaku semasa musim hujan terutamanya di kawasan yang rendah, lembap dan tiada sistem perparitan yang mencukupi. Kawalan menggunakan racun kulat seperti *Copper oxychloride* atau *Metalaxyl* juga boleh digunakan untuk mencegah dan merawat jangkitan penyakit ini. Kawalan dibuat dengan kaedah siraman pada pangkal pokok dan juga semburan pada pokok.

Penuaian dan Pemprosesan Lepas Tuai

Kebiasaannya, penuaian hasil lada hitam dilakukan sebanyak dua pusingan setahun iaitu dalam suku tahun kedua dan juga keempat. Penuaian sudah boleh dilakukan apabila terdapat satu biji buah yang masak pada tangkai telah bertukar warna daripada hijau kepada warna kuning kemerahan. Kerja penuaian hasil perlu diulang mengikut pusingan 1-2 minggu sekali bergantung kepada tahap kematangan buah (Rajah 3). Beri lada hitam yang telah dituai hendaklah dipisahkan daripada tangkainya dengan menggunakan mesin pelera. Setelah itu, kerja menjemur perlu dilakukan selama 3-5 hari di bawah terik cahaya matahari sehingga kering dan sesuai untuk disimpan.

Bersambung ke muka surat 8

Sambungan dari muka surat 7

JADUAL 1. PROGRAM PEMBAJAAN LADA HITAM

Jenis Baja	Peringkat Pra-matang	Peringkat Matang	Catatan
Baja asas	200 g/lubang	-	CIRP digunakan untuk lubang tanaman
NPK 12:12:17:2	1.5 kg/pk	2 kg/pk	Ditabur enam pusingan setahun
Baja semburan daun	Grofus biru	Grofus biru	Sembur 2 kali/sebulan
Kieserit	100 g/pk	200 g/pk	Sekali/setahun
Baja organik	1-2 kg/pk	3-5 kg/pk	Sekali/setahun
Kapur	500 g/pk	1 kg/pk	Sekali/setahun

Sumber: Raja Zulkifli *et. al.* (2016).

Pengeluaran hasil lada hitam di Stesen Penyelidikan MPOB Belaga

Pokok lada hitam mula mengeluarkan hasil yang optimum dan ekonomik semasa pokok berumur tiga tahun di mana kebanyakan pertumbuhan tampang pokok sudah stabil (Rajah 4). Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan di Stesen Penyelidikan MPOB Belaga, jumlah hasil yang dicatatkan pada tahun kelima penanaman ialah sebanyak 1366 kg/ha dengan purata hasil sebanyak 8 kg/pk. Purata



Rajah 3. Penuaian hasil lada hitam.

hasil ini menyamai purata hasil lada segar setahun untuk sistem penanaman lada hitam secara tunggal iaitu 6-8 kg/pk. Hasil kering yang diperolehi pula adalah sebanyak 396 kg/ha/thn dengan kutipan hasil jualan sebanyak RM 10 874/ha (harga pasaran pada 2015 ialah RM 27.45/kg). Setelah ditolak kos pengeluaran, anggaran pendapatan bersih adalah sebanyak RM 7285.58/ha/thn. Ini bermakna pendapatan tambahan pekebun kecil adalah sebanyak



Rajah 4. Pokok lada hitam matang yang mengeluarkan hasil yang baik.

RM 607.13/bln. Selain itu, rekod hasil buah tandan segar selama empat tahun menunjukkan bahawa integrasi lada hitam di kawasan sawit tidak menjejaskan pengeluaran hasil buah sawit.

Penutup

Hasil kajian mendapati penanaman lada hitam secara integrasi dengan sawit menggunakan sistem dua baris kembar dapat memberikan pendapatan tambahan kepada pekebun kecil sawit. Pertumbuhan pokok dan pengeluaran hasil yang tinggi boleh dicapai dengan mengamalkan amalan pertanian yang baik di samping dapat mengurangkan kos pengeluaran.



Sumbangan:
James Chula
(james@mpob.gov.my)



RealStrong®
AgriCulture Innovation

RealStrong MPOB F4 Baja 3 dalam 1

3 kali ganda kebaikan

Tanaman
yang sihat
dengan nutrien
yang
seimbang

Meningkatkan
kesuburan tanah melalui
teknologi EM (mikroorganisma
bermanfaat) untuk
pertumbuhan yang baik
dan pengeluaran hasil
yang optimum

Akar yang
sihat menjamin
penyerapan nutrien
yang efisien untuk
hasil yang lebih
baik

Penemuan
rumusan
bio-kimia

Diformulasikan
bersama MPOB



All Cosmos Industries Sdn Bhd (487874-D)

Headquarters: PLO 650, Jalan Keluli 7, Pasir Gudang Industrial Estate, 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.
Tel: +607-252 3788 Fax: +607-251 2588/ +607-252 5298

Johor Manufacturing Plant: PLO 539, Jalan Keluli, Pasir Gudang Industrial Estate, 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.

Johor Manufacturing Plant: PLO 442, Jalan Suasa, Pasir Gudang Industrial Estate, 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.
Tel: +607-252 8066 Fax: +607-255 3904

Kuala Lumpur Office: NO. 42-2, Jalan PUJ 5/11, Dataran Sunway, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel: +603-6141 6758 Fax: +603-6141 6548

Sabah Manufacturing Plant: POIC, Lot 50 & 51, Phase 2, Jalan Tengah Nipah 5.5km, 91100 Lahad Datu, Sabah, Malaysia.
Tel: +6089-863 280 Fax: +6089-863 290

Email: sales_marketing@allcosmos.com Website : www.allcosmos.com



facebook

Find us at Facebook

www.facebook.com/allcosmos

YouTube

www.youtube.com/theacbt

????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM 100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 JULAI 2017**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
 Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
 50720 Kuala Lumpur
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
 Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan*
 melalui Aplikasi *WhatsApp* 017-821 9693
 ATAU fakskan ke 03-8920 2932
 ATAU emelkan kepada reza@mpob.gov.my

WHATSAPP
SEKARANG !!!

017-8219 693

PENGHANTARAN
BORANG PENILAIAN
MELALUI APLIKASI
WHATSAPP.

JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM 100
MELALUI APLIKASI
WHATSAPP

SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN ARTIKEL-ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL.65 (1)/JANUARI-APRIL 2017.

SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 65 (1)/JANUARI-APRIL 2017

1. Apakah nama saintifik bagi lada hitam yang diintegrasikan dengan penanaman sawit di Malaysia?
 - a. *Ananas comosus*
 - b. *Capsicum annuum*
 - c. *Piper nigrum* L.
 - d. *Saccharum officinarum*
2. Pemangkasan lada hitam dilakukan sebanyak tiga peringkat. Pada umur berapakah lada hitam dipangkas setelah pokok dipindahkan ke ladang?
 - a. 8 bulan, 14 bulan dan 23 bulan
 - b. 6 bulan, 11 bulan dan 24 bulan
 - c. 6 bulan, 12 bulan dan 18 bulan
 - d. 4 bulan, 12 bulan dan 15 bulan

Bersambung ke muka surat 11

Sambungan dari muka surat 10

3. Teknologi Santan Sawit yang dibangunkan oleh MPOB telah dipaten di beberapa buah negara. Senaraikan nama negara tersebut?
 - a. Amerika Syarikat, Malaysia, Indonesia, London dan Korea Selatan
 - b. Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand dan Malaysia
 - c. Indonesia, Filipina, Vietnam, China dan Thailand
 - d. Malaysia, Kemboja, Brunei, India dan Myanmar

4. Berapakah jumlah anak benih sawit yang telah dijual oleh Syarikat Tapak Semaian Inodol pada 2015?
 - a. 70 000
 - b. 10 345
 - c. 64 563
 - d. 33 563

5. Pada tahun bilakah sawit mula ditanam secara komersial di Malaysia _____ dan di mana _____?

Nama : _____

 No. Kad Pengenalan : _____
 No. Telefon : _____
 Alamat : _____

**JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT BIL. 64 (3)/
 SEPTEMBER-DISEMBER 2016**

1. a
2. b
3. c
4. c
5. c

**NAMA PEMENANG KUIZ SAWIT BIL. 64 (3)/
 SEPTEMBER-DISEMBER 2016**

1. Hakim Mohd Zaki (*Teluk Intan, Perak*)
2. Muhammad Ikmal Zulkefli (*Teluk Intan, Perak*)
3. Nur Mimie Sapura Saudara (*Semporna, Sabah*)

BORANG PENILAIAN

WARTA SAWIT

Sila tandakan penilaian anda berkenaan *Warta Sawit* ini mengikut skala di bawah. MPOB menghargai pandangan dan komen anda untuk menambah baik *Warta Sawit* pada masa akan datang.

Skala:

1 – Rendah 2 – Sederhana 3 – Baik 4 – Memuaskan 5 – Cemerlang

Penilaian							Komen (Jika ada)
1	Kandungan <i>Warta Sawit</i> mudah difahami	1	2	3	4	5	
2	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> merupakan maklumat terkini dalam industri sawit negara	1	2	3	4	5	
3	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> membantu dalam menguruskan penanaman sawit	1	2	3	4	5	
4	Berikan skor untuk <i>Warta Sawit</i> keluaran ini	1	2	3	4	5	

5. Bagaimana anda mendapat *Warta Sawit* ini?

Pegawai TUNAS MPOB

Portal MPOB

Pejabat TUNAS MPOB

Lain-lain, nyatakan

Seminar/Kursus anjuran MPOB



6. Berikan idea anda untuk menambah baik *Warta Sawit* ini.

7. Adakah anda ingin MPOB mengirimkan *Warta Sawit* ini kepada anda? Jika YA, nyatakan alamat anda untuk penghantaran.

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa anda untuk memberikan penilaian dan pandangan.

Untuk mengembalikan jawapan anda, sila ikuti tertib berikut:

1. Ambil gambar borang penilaian ini menggunakan telefon pintar anda, dan
2. Hantar gambar tersebut melalui aplikasi *WhatsApp* ke 014-716 2231

MPOB sangat menghargai sumbangan anda.



BISKUT DARIPADA MARJERIN BERASASKAN SAWIT



Bahan

- 200 g marjerin berasaskan sawit
- 1 cawan tepung gandum
- 1 cawan tepung kastard
- 1 cawan tepung jagung
- ½ cawan gula pasir
- 1 biji kuning telur sahaja
- 1 sudu esen vanila
- Coklat cip atau yang sesuai untuk hiasan
- 1 sudu teh pewarna kuning

Cara Penyediaan

1. Pukul marjerin berasaskan sawit dengan gula sehingga kembang.
2. Kemudian masukkan kuning telur diikuti dengan esen vanila dan pewarna kuning.
3. Sebatikan bahan tersebut. Masukkan tepung gandum, tepung kastard dan tepung jagung sedikit demi sedikit.
4. Bentukkan dengan menggunakan acuan dan hiaskan mengikut kreativiti masing-masing.
5. Bakar selama 15-20 minit pada suhu 150°C.



Resipi disumbangkan oleh:

Umi Kalthum Ismail

Unit Integrasi Tanaman dan Ternakan, IRED

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB. Sila hantar ke alamat:

Sudut Kreatif Warta Sawit

Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620

50720 Kuala Lumpur

u/p: Unit Khidmat Pengembangan,

Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Emel: aniz@mpob.gov.my

WhatsApp: 017-821 9693

A photograph of a palm oil plantation. In the foreground, there is a large pile of harvested palm fruit bunches, some showing yellow and orange colors. In the background, a worker is visible, standing near a palm tree. The text "Rezeki yang diberkati" is overlaid on the image in a white, cursive font with a black outline.

Rezeki yang diberkati

SEDUTAN AKHBAR

DANA MEKANISASI SAWIT TINGKATKAN PRODUKTIVITI

Berita Harian, 17 Januari 2017

KUALA LUMPUR – Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menubuhkan Dana Mekanisasi Sawit dengan dana permulaan RM 30 juta bagi memacu aktiviti mekanisasi, sekali gus meningkatkan produktiviti dan kualiti industri minyak sawit negara.

Dana sumbangan kerajaan dan sektor swasta itu bertujuan membiayai aktiviti penyelidikan mengenai mekanisasi oleh institut penyelidikan dalam dan luar negara, perolehan teknologi bersesuaian untuk kegunaan industri sawit dan pengubahsuaian peralatan serta penganjuran pertandingan atau program berkaitan.

Menterinya, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, dana yang ditadbir urus menerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) itu akan meningkatkan produktiviti bagi setiap pekerja ladang yang dijangka mampu menguruskan 12 ha ladang sawit, berbanding 8 ha ketika ini.

Sebagai permulaan, katanya, kerajaan mengharapkan sektor swasta menyumbang RM 5 juta untuk dana berkenaan. Katanya, MPOB melabur dalam pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke arah menghasilkan peralatan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh.

TAKLIMAT, SIRI JELAJAH MENGENAI PENSIJILAN MSPO UNTUK PEKEBUN KECIL SAWIT

Bernama, 27 Februari 2017

SERI KEMBANGAN – Kerajaan akan menganjurkan lebih 100 taklimat dan siri jelajah sehingga tahun depan, bagi mewujudkan kesedaran di kalangan 550 000 pekebun kecil sawit mengenai pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, semua kawasan pedalaman di Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak akan dilawati bagi tujuan tersebut.

Bercakap kepada pemberita semasa lawatan kerja ke Food Premium Corporation, pengeluar santan sawit di sini, beliau berkata, kementerian berkenaan merancang untuk meningkatkan jumlah badan pensijilan dengan harga lebih berpatutan untuk pekebun kecil sawit.

MSPO yang akan dijadikan mandatori menjelang Disember 2019, adalah kod undang-undang standard mengenai amalan terbaik seluruh rantai bekalan, daripada penanaman kelapa sawit hingga ke pemprosesan minyak sawit.

Objektif pensijilan itu adalah untuk membantu akses pasaran minyak sawit yang lebih baik melalui perjanjian perdagangan pelbagai hala atau dua hala dengan pembeli.

POTENSI TEKNOLOGI SANTAN SAWIT PLUS

Utusan Malaysia, 27 Februari 2017

SERI KEMBANGAN – Teknologi Santan Sawit *Plus* mempunyai potensi pasaran luas di dalam dan luar negara serta pulangan pelaburan dalam tempoh yang singkat selama dua tahun.

Teknologi santan sawit itu juga telah dipaten di Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, teknologi dan formulasi produk makanan termasuk Santan Sawit *Plus* yang dibangunkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyediakan peluang kepada syarikat industri kecil dan sederhana untuk menceburi perniagaan dalam industri sawit.

“Peluang ini wajar dimanfaatkan oleh usahawan tempatan bagi menceburi perniagaan berasaskan produk sawit yang mempunyai potensi besar,” katanya selepas mengadakan lawatan ke Premium Food Corporation Sdn Bhd di sini hari ini.

Bersambung ke muka surat 16

Sambungan dari muka surat 15

MPIC LANCAR EKSPEDISI TRANS BORNEO MENGGUNAKAN DIESEL B10

goheadgostan.com, 4 Mac 2017

BELAGA – Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah merasmikan Program Ekspedisi Trans Borneo menggunakan diesel B10 (adunan 10% biodiesel berasaskan sawit dengan 90% petroleum diesel) di Stesen Penyelidikan MPOB Belaga, Sarawak.

Ekspedisi B10 ini dianjurkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai mengenai diesel B10, selaras dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan program B10 dan komitmen negara ke arah pengurangan pelepasan gas rumah kaca (greenhouse gases – GHG) serta meningkatkan penggunaan bahan api mesra alam.

B10 adalah adunan biobahan api yang mesra alam sesuai untuk kenderaan diesel walaupun pada suhu rendah di kawasan-kawasan tanah tinggi seperti di Kundasang. Ia boleh menambah baik pelinciran diesel dan meningkatkan nombor cetane diesel bagi membantu pembakaran diesel di dalam enjin.

Ekspedisi B10 Trans Borneo melibatkan perjalanan sejauh kira-kira 1000 km. Wakil media dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak memulakan perjalanan dari Belaga ke Miri merentasi Brunei, seterusnya Lawas di Sarawak serta Keningau, Ranau dan berakhir di Kundasang di Sabah. Sebanyak 15 buah kenderaan diesel pacuan empat roda pelbagai model dan empat buah kenderaan muatan berat digunakan selama lima hari empat malam.

GERAN PADANAN RM 50 JUTA TINGKAT KUALITI PRODUK SAWIT

Berita Harian, 7 Mac 2017

KUALA LUMPUR – Kerajaan memperuntukkan geran pepadanan RM 50 juta bagi membantu industri minyak sawit menangani keselamatan makanan.

Ia termasuk mengurangkan paras pencemaran dalam minyak sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, geran pepadanan itu disediakan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi meningkatkan kualiti dan keselamatan penggunaan produk minyak sawit tempatan.

Sebagai pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit, katanya, Malaysia akan terus mengambil langkah bagi menangani keselamatan makanan minyak sawit.

“Kami menjemput sektor swasta untuk mengadakan usaha sama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk membangunkan teknologi yang dapat meningkatkan kualiti keselamatan minyak sawit tempatan.

“Geran ini boleh dipohon mulai sekarang. Ia terbuka kepada syarikat Malaysia,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucap tama di Pameran dan Persidangan Tinjauan Harga Minyak Sawit dan Laurik 2017 di sini.

MPIC BUKA 1CSC DI TELUK INTAN

Bernama, 25 Mac 2017

TELUK INTAN – Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) membuka sebuah lagi Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC) di sini bagi merencanakan lagi usaha transformasi perkhidmatan kementerian itu.

Menterinya, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, 1CSC itu merupakan yang keempat selepas pembukaan 1CSC di Sungai Petani di Kedah, Tawau (Sabah) dan Betong (Sarawak) pada tahun lepas.

“Tahun ini, selain penubuhan 1CSC Teluk Intan, dua lagi 1CSC telah dikenal pasti akan dilancarkan iaitu di Jitra, Kedah dan Lahad Datu, Sabah,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan 1CSC Teluk Intan di Pejabat Tunas Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Bandar Baru, di sini.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan di 1CSC adalah khidmat nasihat asas berkenaan semua komoditi, permohonan lesen, permohonan insentif serta bantuan, permohonan latihan dan pertanyaan serta aduan berkaitan sektor komoditi.

TAHUKAH ANDA?

SANTAN SAWIT PLUS SEDAP, LEMAK DAN BERKHASIAT



Rajah 1. Santan Sawit PLUS.

Tahukah anda bahawa MPOB telah berjaya menghasilkan tiga teknologi Santan Sawit iaitu Santan Sawit serbuk, Santan Sawit Cecair yang bebas-*trans* dan Santan Sawit PLUS. Santan Sawit mula diperkenalkan MPOB sebagai produk novel pada awal tahun 2000. Santan sawit telah dihasilkan sebagai alternatif kepada santan kelapa tradisional. Ia berwarna putih, pekat, berkhasiat dan lazat. Kebanyakan makanan tradisional Melayu memerlukan santan kelapa sebagai bahan utama dan ini menyebabkan permintaan yang tinggi bagi santan kelapa. Akibat kekurangan stok kelapa, harga santan kini meningkat di luar jangkauan. Keadaan menjadi lebih kritikal apabila industri perladangan kelapa tidak dapat menampung permintaan yang semakin meningkat. Malaysia mengimport lebih kurang 1 juta kelapa setiap hari. Bagi menyelesaikan masalah itu, santan daripada buah sawit yang berkhasiat dan bermutu tinggi telah diformulasikan sebagai pilihan yang sihat untuk pengguna.

Santan Sawit dihasilkan daripada minyak sawit yang diambil daripada mesokarp (sabut) yang

